

Calon BN kombinasi golongan muda, veteran

UM 16 OCT 2003

PUTRAJAYA 15 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, calon-calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang adalah kombinasi antara golongan muda dan veteran untuk memastikan BN terus memerintah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka juga mesti memiliki kriteria-kriteria lain termasuk berwibawa bagi menjamin kemenangan BN melalui sokongan pengundi dan rakyat.

“Calon-calon itu terdiri daripada mereka yang berwibawa dan mendapat sokongan daripada pengundi dan rakyat yang akan memberikan kemenangan kepada BN.

“Jadi calon-calon itu sama ada daripada golongan muda atau yang dewasa dan berpengalaman, kita tidak kiralah siapa mereka. Tetapi jika ada ruang untuk golongan muda tampil, saya fikir itu adalah baik dan demi masa depan,” katanya selepas meluangkan masa kira-kira tiga jam melawat Ekspo OIC 2003 di sini hari ini.

Beliau mengulas nasihat Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad semalam supaya ahli-ahli politik veteran dalam BN berundur dan memberi laluan kepada muka-muka baru.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu memberi peluang kepada muka-muka baru dan juga perlu membantu berkempen bagi menjamin kemenangan calon-calon baru ini dalam pilihan raya umum akan datang.

Dr. Mahathir berkata, sebelum ini beliau berasa ‘malu untuk memberitahu mereka bahawa masanya sudah tiba bagi mereka untuk berundur’.

Perdana Menteri berkata penyandang-penyandang yang sudah lama berkhidmat ini perlu ingat bahawa mereka memegang jawatan masing-masing itu disebabkan orang lain menyokong mereka dan mengekalkan mereka di situ pada setiap pilihan raya.

Sementara itu, Abdullah ketika ditanya sama ada sehingga kini terdapat mana-mana ahli politik veteran parti yang menyatakan kesediaan mereka untuk berundur, berkata: “Tidak ada lagi.”

Beliau bagaimanapun menegaskan, apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri merupakan nasihat yang baik dan perlu diambil perhatian.